

# Anak patung mainan dibenarkan dalam Islam

*Haram boneka untuk tujuan  
pemujaan, bawa khurafat*

**?** Ada kawan memberitahu semua anak patung mainan anak saya ketika kecil dahulu mesti dibuang kerana ia akan menyebabkan rumah tidak dimasuki malaikat. Adakah kerana saya sayang hendak membuang permainan itu dan harganya mahal.

**!** Secara asasnya memang benar terdapat riwayat daripada Imam Muslim bahawa Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya malaikat tidak akan masuk rumah yang di dalamnya ada gambar."

Menurut ulama, hadis itu menjelaskan bahawa semua jenis patung yang tidak memberi sebarang makna dan faedah adalah haram untuk dijadikan perhiasan. Lebih teruk lagi apabila patung itu yang disembah oleh golongan bukan Islam. Patung bersifat lucuh juga termasuk dalam larangan hadis itu.

Walaupun begitu, sebahagian ulama seperti al-Shawkani, al-Qardhawi, al-Zuhayli dan ramai

lagi mengecualikan pengharaman terhadap anak patung mainan kanak-kanak kerana terdapat dalil diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, Aisyah berkata: "Aku selalu bermain anak patung di rumah Rasulullah SAW. Adakalanya rakan-rakanku datang untuk bermain bersamaku. Suatu hari Nabi SAW datang kepada kami, semua kami terus bersembunyi kerana takutkan Baginda Nabi SAW. Namun begitu, Nabi SAW tidak pula kelihatan marah (apabila melihat patung mainan di tangan mereka), tetapi Nabi SAW datang dan turut kelihatan bermain dengan mereka."

Imam al-Shawkani berpendapat, hadis itu membuktikan anak patung mainan kanak-kanak adalah dibenarkan dalam Islam. Namun, ia perlulah menepati beberapa syarat antaranya bukan daripada patung yang disembah oleh golongan bukan Islam.

Bukan patung yang digunakan untuk tujuan pemujaan, patung yang boleh membawa kepada khurafat serta mendorong kepada maksiat dan kemungkaran.



**DR MOHD  
IZHAR ARIF  
MOHD KASHI**

ialah pensyarah Fiqh  
Kepenggunaan  
Semasa Jabatan  
Syariah, Fakulti  
Pengajian Islam  
Universiti  
Kebangsaan Malaysia

## Syarat gantung gambar dalam rumah

**?** Bolehkah saya menggantung gambar fotografi saya dalam rumah.

**!** Perlu ditekankan di sini gambar seperti itu tidak terdapat pada zaman Rasul SAW.

Atas sebab itu, tidak pelik apabila akan terdapat perbezaan pandangan ulama dalam menentukan hukum menggantung gambar di dalam rumah.

Dalam hal ini, saya lebih suka mengambil pandangan bekas Mufti Mesir, Syeikh Muhammad Bakhit yang menjelaskan gambar fotografi dibenarkan untuk dijadikan perhiasan dalam rumah kerana gambar itu terkecuali daripada larangan yang terdapat dalam hadis mengenai patung.

Selain itu, Syeikh Mutawalli Sya'rawi juga turut berpandan-

gan sama apabila beliau menyifatkan kaedah pengambilan gambar itu bagaikan menangkap bayang-bayang sendiri yang sama sekali bukan melalui cara terlarang oleh Islam.

Walaupun begitu, perkara ini perlu dibataskan dengan beberapa syarat seperti gambar itu tidak menimbulkan fitnah. Orang yang ada dalam gambar itu mestilah menutupi aurat jika ia hendak diletakkan di tempat terbuka sehingga boleh ditatapi oleh orang bukan mahram.

Bukan gambar yang mengagungkan agama selain Islam, tidak bertujuan untuk menghina orang yang ada dalam gambar berkenaan kerana Islam mewajibkan umatnya menutup segala aib orang lain. Gambar yang hendak dipamerkan mestilah sopan, ada nilai positif serta jauh dari nilai negatif atau mungkar.